



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG



KENYATAAN TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor/pembekal tempatan yang memiliki Sijil **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** di bawah kod bidang dan sub-bidang yang dinyatakan yang masih sah dan berkuatkuasa dan berdaftar dengan **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** bagi menyertai tawaran bagi kerja berikut :-

No. Kontrak	Tajuk Tender	Bidang Pendaftaran & Syarat Kelayakan	Sesi Taklimat	Harga Dokumen Tender	Tarikh Tutup
PBBPP/PP/T2/2024	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN, PENCUCIAN BANGUNAN DI BUKIT BENDERA BAGI PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG (PBBPP) UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN	Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah Kod Bidang: 221001 dan 221002	KEHADIRAN: DIWAJIBKAN Tarikh: 13 Jun 2024 (Khamis) Masa: 10.00 pagi (Kaunter pendaftaran dibuka pada jam 9.00 pagi) Lokasi: Bilik Mutiara, Stesen Bawah Bukit Bendera, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang.	Tarikh Jual Dokumen: 13 Jun 2024 sehingga 4 Julai 2024 RM 50.00 *Dokumen boleh dimuat turun dalam Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)	4 Julai 2024 (Khamis) 12.00 Tengah Hari Lokasi Penghantaran: Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang.

2. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri **SESI TAKLIMAT** pada tarikh, masa dan alamat seperti di atas. Hanya penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan (MOF) yang layak menghadiri sesi lawatan tapak. Surat perwakilan kuasa adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Kontraktor dikehendaki membawa bersama **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan Salinan (tidak akan dikembalikan) bagi **SIJIL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)** dan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)** di bawah kod bidang yang dinyatakan yang masih sah tempohnya semasa lawatan tapak.
3. Kontraktor yang hadir sesi taklimat hendaklah mematuhi semua peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (Akta KKP 1994) dan polisi keselamatan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP).
4. Dokumen Tender boleh dibeli melalui Sistem e-Perolehan. Semua Syarikat perlu mengisi dan mengembalikan Surat Akuan Pembida seperti di Lampiran Dokumen Tender. Dokumen Tender yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat: Bahagian Perolehan, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang, Jalan Stesen Bukit Bendera, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang tidak lewat jam **12.00 tengahari** pada tarikh tutup Tender. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
5. Sebarang tawaran yang berbentuk rasuah atau lain-lain dorongan yang mempengaruhi kedudukan petender akan menyebabkan Tender tersebut 'ditolak serta merta'. Pihak Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima semua tawaran atau sebahagiannya atau mana-mana tawaran yang terendah atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran Tender. Segala kos penyediaan tawaran Tender ditanggung oleh Syarikat
6. Keterangan lanjut boleh dihubungi di talian **04-828 8880 (ext: 305/327)/012-792 3088** serta di laman web berikut <http://ep.penang.gov.my/> & <http://www.penanghill.gov.my/>